

13 MAY 2000

TABUNG: ORANG RAMAI BOLEH DERMA MELALUI PERSATUAN WARTAWAN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Orang ramai yang ingin menderma kepada Tabung Kebajikan Wartawan dan Tabung Kemanusiaan Iraq anjuran Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) diminta menyalurkannya melalui ibu pejabat persatuan itu.

Setiausaha agung PWM Hasan Hamzah berkata ramai yang berminat untuk menderma tetapi tidak tahu kepada siapa diserahkan sumbangan mereka.

"Jadi sesiapa yang ingin menghulurkan derma melalui cek hendaklah menulis cek berpaling atas nama Tabung Kebajikan Wartawan dan Kemanusiaan Iraq," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melancarkan kedua-dua tabung itu semalam bagi membantu wartawan dan keluarga mereka yang menghadapi masalah kewangan serta untuk membeli ubat-ubatan dan makanan kepada rakyat Iraq yang menderita akibat sekatan ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Hasan berkata PWM juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Dr Siti Hasmah, kerajaan-kerajaan negeri, pemimpin dan orang ramai yang telah memberi sumbangan kepada tabung itu pada hari pelancaran semalam.

Alamat PWM ialah di 551 A & B, Jalan Bukit Petaling, 50450, Kuala Lumpur. No Tel: 03-2449126, Faksimili: 03-2449187 dan E-mail: Wartawan@Tmnet.Com.My

-- BERNAMA
RV FAZ